

BERITA HARIAN

TARIKH..2..9..OCT..2013

BT
29/10/13
M/S 8

Laluan Pelabuhan Utara ditutup 6 bulan bina projek jejambat

? Kenapa laluan di Jalan Pelabuhan Utara - Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang ditutup kepada lalu lintas dan bila jalan berkenaan akan dibuka semula.

Pengguna Laluan
Pelabuhan Klang, Selangor

! Untuk makluman, Jabatan Kerja Raya (JKR) menutup laluan berkenaan selama enam bulan bermula

“JKR akan melaksanakan Pelan Pengurusan Trafik sementara dan **pengguna diminta mematuhi papan tanda arah bagi memastikan tiada sebarang gangguan kerja**”

1 Oktober lalu bagi memberi laluan kepada projek reka dan bina jejambat melintasi landasan kereta api di Jalan Pelabuhan. Laluan itu perlu ditutup kerana kerja meroboh jejambat sedia ada, kerja tanah, pengalihan utiliti, pembinaan cerucuk dan tembok penahan tanah sedang dijalankan.

JKR akan melaksanakan Pelan Pengurusan Trafik sementara dan pengguna diminta mematuhi papan tanda arah bagi memastikan tiada sebarang gangguan kerja. JKR juga akan mendapatkan bantuan khidmat kawalan trafik bagi mengawal aliran trafik sepanjang tempoh berkenaan.

Jurucakap
JKR